

SYARAT- SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN STAF PENTADBIRAN

Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa ketika ini seperti berikut:

- i. memenuhi tempoh percubaan selama satu (1) hingga tiga (3) tahun **dan**;
- ii. hadir dengan jayanya Kursus Induksi Umum dan Kursus Induksi Khusus yang ditetapkan; **dan**
- iii. lulus peperiksaan Subjek Utama dan peperiksaan Subjek Jabatan (sekiranya berkaitan); **dan**
- iv. diperakukan oleh Ketua Jabatan; **dan**
- v. mempunyai markah purata prestasi tahunan sekurang-kurangnya 85% seperti yang diputuskan dalam MEU ke 102 Bil. 7/2005.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN STAF UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

- 1) seseorang staf yang sedang berkhidmat kemudian menjawat jawatan baru dan telah genap 12 bulan perkhidmatan perlu mencapai markah penilaian prestasi sekurang-kurangnya 90%.
- 2) seseorang staf lantikan baru perlu berkhidmat lebih daripada 12 bulan mempunyai dua (2) kali markah prestasi perlu mencapai purata markah prestasi sekurang-kurangnya 85%.
- 3) seseorang staf yang telah berkhidmat lebih daripada 12 bulan dan mempunyai dua (2) kali markah prestasi perlu mencapai purata markah prestasi sekurang-kurangnya 85%.
- 4) seseorang staf yang mempunyai tiga (3) kali markah penilaian prestasi perlu mencapai peningkatan markah yang memuaskan untuk disahkan dalam jawatan.
- 5) Di samping itu, pengisytiharan harta juga menjadi salah satu syarat tambahan untuk seseorang staf disahkan dalam jawatan (perlu memperbaharui pengisytiharan harta setiap lima (5) tahun). Syarat ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan staf terhadap perkara ini.

6) Seseorang staf boleh diberi Pelanjutan Tempoh Percubaan atas perkara-perkara berikut:

a) Masih belum memenuhi syarat-syarat pengesahan jawatan iaitu:

- i. Tidak mengikuti Kursus Induksi Umum dengan jayanya;
- ii. Tidak lulus dalam peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan (staf pentadbiran sahaja);
- iii. Prestasi yang tidak mencapai tahap yang ditetapkan;
- iv. Tidak mendapat perakuan Ketua Jabatan; dan
- v. Tiada hasil penyelidikan/penerbitan untuk dinilai bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan (staf akademik sahaja)

b) Dikenakan tindakan tatatertib

7) Kuatkuasa Pelanjutan Tempoh Percubaan

Tahun	Pentadbiran
Keempat (4)	• Kali Pertama selama enam (6) bulan • Kali kedua selama enam (6) bulan
Kelima (5)	• Kali ketiga selama enam (6) bulan • Kali keempat selama enam (6) bulan
Keenam (6)	Kali kelima selama satu (1) tahun dengan berdenda iaitu tiada kenaikan gaji tahunan
Ketujuh (7)	Cadangan untuk ditamatkan perkhidmatan